

Banjir paling teruk dalam 10 tahun

Jumlah taburan hujan luar biasa dipercayai punca ibu negara dilanda banjir kilat

■ HIDAYAH HAIROM & NORAFIZA JAAFAR

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan mengerahkan seramai 59 anggota dari Unit Trafik Jabatan Penguatkuasaan untuk ditempatkan di semua lokasi hotspot banjir di ibu negara.

Pengarah Eksekutif Pembangunan Sosio-Ekonomi DBKL, Datuk Mohd Sauffi Muhamad berkata, ia bertujuan membantu melakukan kawalan lalu lintas dan membuat penutupan serta lencongan jalan sekiranya perlu bagi mengelakkan pengguna jalan raya melalui kawasan banjir.

Katanya, sebanyak tujuh trak tunda serta seramai 12 anggota skuad penyelamat DBKL akan bersiap siaga 24 jam bagi mengawal keadaan.

"Tindakan ini berikutan kejadian hujan lebat yang melanda ibu negara semalam (kelmarin) selama dua jam yang mengakibatkan beberapa kawasan termasuk Jalan Tuanku Abdul Halim, Jalan Bangsar, Jalan Pantai Baru dan Jalan Pudu mengalami banjir kilat.

"Banjir kilat ini berpunca daripada taburan hujan yang tinggi sebanyak 106.5 milimeter iaitu tiga kali ganda berbanding taburan hujan biasa yang merupakan taburan hujan tertinggi bagi tahun ini," katanya dalam kenyataan semalam.

Dalam pada itu, Mohd Sauffi berkata, DBKL sedang membuat pemeriksaan dan pembersihan keseluruhan sistem saliran di kawasan banjir serta beberapa kawasan lain yang dikenal pasti akan terlibat dengan bencana banjir.



Keadaan jalan di sekitar kawasan UM yang berlumpur selepas banjir surut.

Paras air naik tiga kali ganda

Kawasan Universiti Malaya yang ditenggelami air akibat hujan lebat kelmarin, mencecah tiga kali ganda tinggi berbanding banjir kilat yang pernah berlaku sebelum ini.

Dalam kejadian itu, air naik sehingga mampu menenggelamkan kereta Perodua Kancil yang berada berhampiran pintu gerbang.

Kira-kira 30 kenderaan lain juga turut terperangkap ketika air bertakung kira-kira sejam.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati, masih terdapat kesan air lumpur di kawasan terjejas dan beberapa kenderaan termasuk motosikal yang ditenggelami air masih tersadai di kawasan parkir.

Kakitangan awam, Uzir Zakaria, 28, berkata, teksi milik ayahnya antara yang terperangkap dalam kejadian kelmarin dan hanya dapat dialihkan semalam.

"Ketika kejadian, ayah saya nak ambil penumpang tetapi terperangkap sebab laluan se-



UZIR

sak dan air naik tinggi.

"Dia kemudian letak kereta di parkir berhampiran pondok pengawal dan saya jemput dia selepas air surut kira-kira jam 9 malam," katanya.

Disebabkan itu, teksi berkenaan tidak dapat dihidupkan seperti biasa dan kos pembaikan termasuk upah tunda dianggarkan mencecah RM2,000.

Sementara itu, seorang pemilik restoran berhampiran, Juhariah Jalaluddin, 39, berkata, kejadian banjir kilat di kawasan itu pernah berlaku kira-kira 10 tahun lalu.

Ujarnya, aras lantai resto-



Sebahagian daripada kenderaan yang tenggelam akibat banjir kilat, kelmarin.

ran terletak sama paras dengan jalan raya juga menyebabkan premis mereka turut terjejas.

"Air naik terlalu cepat dan tidak sempat kami berbuat apa-apa. Nasib baik hanya masuk sedikit sahaja. Kami terpaksa korek aliran longkang agar air mengalir dan bersihkan lantai premis sebaik sahaja air mula surut," katanya.

Warga emas nyaris hanyut

Pekerja swasta, Abang Zikri Abang Mahmudin, 28, berkongsi detik-detik cemas yang berlaku ketika kejadian kira-kira jam 7.30 malam kelmarin yang turut hampir menyebabkan motosikalnya hanyut.

Insiden itu juga menyaksikan seorang warga emas hanyut namun berjaya diselamatkan.

Menurutnya, ketika cuba meredah banjir, dia menyedari

seorang warga emas yang tidak dapat dipastikan jantina, menghulur tangan kepadanya.

"Saya tidak dapat pergi ke arah dia sebab saya sendiri tengah menahan motosikal daripada hanyut dan boleh beri risiko pada motosikal lain di belakang.

"Selepas saya dapat alihkan motosikal, saya cari warga emas itu tapi yang tinggal hanya motosikal bersama kunci jadi saya alihkan ke bahu jalan.

"Tak lama kemudian saya

nampak dia bersandar di hadapan sebuah pacuan empat roda dalam keadaan ter-cungap-cungap dan air banjir ketika itu di paras dadanya," katanya.

Berikutan insiden itu juga, dia memutuskan untuk memegang kunci motosikal milik warga emas itu dan kini sedang berusaha menjejaknya.

"Motosikal itu masih ada di bahu jalan di Jalan Duta. Saya harap sesiapa yang ada maklumat boleh hubungi saya di talian 018-4697568 agar saya dapat serahkan kunci," katanya.